

Personaliti sebagai Faktor Ekstralinguistik yang Mempengaruhi Pembelajaran Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Asing

Personality as One of Extralinguistic Factors that Influenced in Learning Second Language among Foreign Students

HUSNA HIDAYAH MANSOR & ROHAIDAH KAMARUDDIN

ABSTRAK

Pengkaji melakukan kajian ini untuk melihat hubungan faktor ekstralinguistik bahasa kedua dengan pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di lima buah universiti di Malaysia. Pengkaji berminat untuk mengupas personaliti warna sebagai faktor ekstralinguistik yang mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua dalam kalangan pelajar asing di universiti-universiti di Malaysia. Hasil dapatan kajian menunjukkan personaliti pelajar-pelajar asing dipengaruhi oleh warna hijau, merah dan kuning yang menunjukkan mereka sanggup melakukan apa-apa sahaja untuk berjaya dan menguasai bahasa kedua yang dipelajarinya. Sampel kajian ini terdiri daripada 150 orang pelajar dari 27 buah negara yang mengambil bahasa Melayu sebagai bahasa asing di Universiti Putra Malaysia (UKM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Kata Kunci: Ekstralinguistik; personaliti; penutur asing; bahasa kedua; warna

ABSTRACT

The researchers conducted this study to determine the relation between extralinguistic factors of Malay language as a second language and the achievement of Malay language among foreign students at five universities in Malaysia. Researchers interested in analyzing the personality of colour as an influencing factor of extralinguistic learning in a second language among foreign students at universities in Malaysia. The result shows that foreign student's personality is influenced by the colours of green, red and yellow. This indicating students are willing to do anything to succeed and dominate the second language learned. The study sample consisted of 150 students from 27 countries. They took the Malay language as a foreign language at Universiti Putra Malaysia (UKM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) and Universiti Sains Malaysia (USM).

Keywords: Extralinguistic; personality; second language; foreign student's; colour

PENGENALAN

Ekstralinguistik adalah situasi kebahasaan di luar lingkungan linguistik (Schmidt 2010). Namun begitu, dalam pembelajaran bahasa unsur linguistik tetap diambil kira kerana ia dapat memberi maklumat yang membantu seseorang untuk mempelajari dan berjaya menguasai sesuatu bahasa selain bahasa ibunda. Ekstralinguistik bermaksud pengetahuan bersama yang diperlukan untuk memahami sesuatu percakapan atau sebutan (The Free Dictionary 2010). Menurut Rohaidah Kamaruddin (2012), ekstralinguistik boleh diambil sebagai motivasi, emosi, sikap dan personaliti yang dapat membantu seseorang untuk mempelajari bahasa kedua. Dalam kajian ini, pengkaji mengupas bahawa seseorang pelajar yang mempunyai personaliti yang kukuh

atau sempurna dapat menerima bahasa kedua dengan lebih mudah. Seramai 150 orang pelajar asing yang mengambil bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di lima buah universiti di Malaysia dijadikan sebagai sampel dalam kajian ini.

Personaliti berasal daripada perkataan Latin iaitu, *persona* yang bermaksud topeng atau pelindung muka yang dipakai oleh pelakon pentas dan dikatakan personaliti mempunyai hubungan antara pemikiran, emosi dan perasaan dengan perlakuan manusia (Abdul Majid Mohd Isa & Rahil Mahyuddin 1997). Menurut Kamus Dewan Edisi keempat, persona ialah watak rekaan yang terdapat dalam drama, cereka dan novel. Dalam erti kata lain, perwatakan atau personaliti seseorang yang diberikan sifatnya kepada orang lain atau seperti yang difahami oleh orang lain. Setiap insan

yang hidup di muka bumi ini mempunyai ciri-ciri personaliti atau pembawaan perwatakan yang tersendiri kerana keperibadian seseorang berbeza daripada manusia dengan manusia yang lain. Begitu jugalah dengan personaliti pelajar asing yang datang dari negara yang berbeza dan mempunyai latar belakang yang berbeza antara satu sama lain. Bagi memudahkan guru atau pensyarah yang mengajar subjek bahasa Melayu sebagai bahasa asing kepada mereka boleh cuba untuk memahami personaliti pelajar-pelajar tersebut melalui warna kesukaan mereka.

Personaliti merupakan perlakuan atau tingkah laku yang dipelajari dan berkembang melalui kematangan dan pembelajaran. Tambahan pula, personaliti seseorang akan terbentuk hasil daripada pembelajaran melalui tindak balas dengan persekitaran, terutama sekali tindak balas dengan orang yang signifikan dengan diri individu tersebut (Havighurst 1981 dalam Ahmad Jazimin Jusoh 2000). Oleh itu, pengkaji menyimpulkan bahawa personaliti bermaksud keperibadian atau perwatakan.

Warna bermaksud kesan tindak balas mata dengan cahaya yang dipantulkan oleh benda-benda iaitu dengan gelombang-gelombang yang berbeza serta dapat ditafsirkan sebagai ragam atau corak yang merujuk kepada keadaan atau sifat sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat 2013). Dalam kajian ini, penyelidik ingin melihat hubungan personaliti pelajar asing melalui warna kegemaran mereka kerana penyelidik percaya bahawa warna dapat mempengaruhi kehidupan seseorang serta dapat memberi kesan kepada personaliti individu. Hal ini sependedapat dengan Mir Hazil Azran Ramli (2008), yang menyatakan bahawa warna memberi kesan pada kehidupan manusia sama ada sedar atau tidak. Tambahan pula, manusia membesar dengan melihat warna di mana-mana sahaja malah membuatkan manusia mengawal ataupun terkawal dengannya. Dapatan kajian Rohaidah Kamaruddin (2012) menunjukkan terhadap hubungan antara personaliti warna pelajar sekolah menengah berasrama penuh dengan minat untuk mempelajari bahasa asing. Berdasarkan kajian tersebut, penyelidik ingin melakukan kajian personaliti warna sebagai faktor ekstralinguistik yang mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua dalam kalangan pelajar asing di lima buah Universiti di Malaysia.

SKOP KAJIAN

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji personaliti warna kegemaran berdasarkan kumpulan pelajar asing di Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), dan Universiti Sains Malaysia (USM). Faktor ekstralinguistik bahasa kedua yang dikaji merangkumi pemboleh ubah personaliti terhadap pembelajaran bahasa kedua. Instrumen kajian yang digunakan ialah ujian pemetaan warna Max Luscher (1981). Kajian ini dijalankan terhadap pelajar-pelajar asing yang sedang belajar di UPM, UKM, UM, UTM dan USM. Penyelidik memanipulasi kajian tinjauan lapangan dengan menggunakan 1 set soal selidik, di samping pemerhatian dan nota catatan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

1. Mengenal pasti personaliti pelajar asing melalui warna kegemaran mereka.
2. Menganalisis warna yang dominan dalam kalangan pelajar yang mengikuti kelas pembelajaran bahasa Melayu.

KAJIAN FAKTOR EKSTRALINGUISTIK

Yong Chyn-Chye et al. (2013) membuat kajian tentang “Peranan Faktor Ekstralinguistik dalam Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi Swasta”. Model *Sociaeducational* oleh Gardner telah digunakan dalam kajian ini yang melibatkan 114 orang pelajar antarabangsa Trimester 2 dan 3, 2010/2011 dari 21 buah negara. Pelajar-pelajar ini telah mengikuti kursus bahasa kebangsaan B selama 14 minggu di sebuah universiti swasta di Malaysia. Pengkaji telah membahagikan faktor ekstralinguistik yang mempengaruhi sikap dan motivasi penutur asing dalam enam kumpulan iaitu, sikap penutur asing semasa pembelajaran bahasa Melayu, keunikian bahasa Melayu, motivator-guru dan aktiviti kelas, integratif dan instrumental, serta sosial budaya persekitaran. Hasil kajian yang dilakukan mendapati bahawa penguasaan bahasa Melayu oleh pelajar asing dipengaruhi oleh faktor ekstralinguistik, iaitu, faktor integrasi. Mereka mempelajari bahasa Melayu dengan tujuan untuk memahami masyarakat

tempatan, menghargai kebudayaan Malaysia, mempermudah jalinan rangkaian sosial di Malaysia dan juga integratif melalui bacaan surat khabar/majalah ataupun media massa tempatan. Oleh itu, pelajar asing akan berjaya mempelajari bahasa Melayu sekiranya mereka berminat untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat tempatan. Menurut pengkaji, sekiranya galakan faktor ekstralinguistik semakin tinggi bagi seorang penutur asing, ia akan mempengaruhi tingkah laku pelajar supaya bermotivasi tinggi dalam penguasaan bahasa sasaran yang diingini. Hal ini bermaksud, elemen persekitaran dan psikologi memainkan peranan penting dalam proses mempelajari sesuatu bahasa asing (Yong Chyn-Chye et al. 2013).

Seterusnya, Abdul Hakim Abdullah et al. (2014) menyatakan bahawa motivasi pelajar yang tinggi merupakan dorongan utama untuk mereka mencapai kemajuan dalam pencapaian bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Naim Lilbanat, Kota Bharu, Kelantan. Antara faktor yang paling mempengaruhi motivasi pelajar menengah rendah yang mempelajari bahasa Arab di sekolah tersebut secara turut ialah sikap terhadap bahasa Arab yang dianggap penting, persekitaran bahasa Arab, sikap terhadap bahasa Arab yang dianggap mudah dipelajari dan difahami, kesedaran diri dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Manakala, ujian korelasi *Pearson* menunjukkan adanya hubungan positif yang signifikan pada kadar sederhana antara tahap motivasi dan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat menengah rendah di sekolah tersebut.

Noels (2002) dalam Abdul Hakim Abdullah et al. (2014), mengklasifikasikan faktor-faktor yang mewujudkan motivasi kepada dua bahagian iaitu, orientasi dalaman (*intrinsic orientations*) yang merujuk kepada kepuasan dan rasa seronok kerana pengembangan ilmu pengetahuan, pencapaian diri atau memperoleh pengalaman yang menggembirakan. Seterusnya, orientasi luaran (*extrinsic orientations*) yang berlaku kerana inginkan ganjaran seperti mendapat ijazah, pekerjaan, hadiah dan sebagainya.

Seterusnya, Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014), menyatakan bahawa faktor diri sendiri merupakan faktor paling utama yang mempengaruhi seseorang untuk mempelajari sesuatu bahasa. Ini bermaksud, jika seseorang pelajar mempunyai sikap yang positif tentang pentingnya mempelajari bahasa yang dipelajari,

boleh-bolehnya mereka akan berusaha untuk mempelajari sesuatu bahasa itu dengan pelbagai cara. Sikap yang positif untuk mempelajari bahasa asing atau bahasa kedua terbentuk daripada motivasi yang tinggi. Menurut Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014), motivasi amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia dapat menentukan hala tuju dan keberkesanan seseorang untuk mempelajari bahasa asing. Motivasi ini dilahirkan dalam bentuk insentif dan motif. Markah, gred, hadiah dan pujian merupakan contoh insentif yang disampaikan dalam bentuk ekstrinsik yang biasa dilakukan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala, motif pula sejenis keinginan yang timbul akibat dorongan semula jadi atau kecenderungan seseorang yang menggerakkan seseorang untuk bertindak bagi mencapai sesuatu matlamat.

Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj. Sarudin (2009) dalam Rohaidah Kamaruddin (2012) membuat kajian tentang motivasi pelajar Malaysia untuk belajar bahasa kedua. Seramai 500 orang pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi MARA dijadikan sampel dalam kajian ini. Hasil kajian yang dilakukan menunjukkan pelajar-pelajar Malaysia bermotivasi untuk mempelajari bahasa kedua atas sebab-sebab ekstrinsik dan intrinsik. Keinginan mereka untuk mempelajari bahasa kedua didorong oleh faktor-faktor ekstrinsik seperti kerjaya masa depan, untuk menjadikan mereka lebih berilmu dan sebagai memenuhi syarat untuk bergelar graduan. Faktor-faktor intrinsik pula mempengaruhi pelajar-pelajar ini untuk mempelajari bahasa kedua kerana mereka ingin bertemu dengan orang-orang yang berlainan budaya dan bahasa. Mereka juga mahu mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti silang budaya di samping menikmati pengalaman belajar bahasa kedua. Dapatkan kajian ini menunjukkan motivasi pelajar UKM untuk mempelajari bahasa asing jauh lebih tinggi daripada pelajar-pelajar UiTM atas faktor-faktor ekstrinsik. Manakala, pelajar UiTM bermotivasi untuk mempelajari bahasa asing jauh lebih tinggi daripada UKM atas faktor-faktor intrinsik.

Rohaidah Kamaruddin (2012), membuat kajian tentang *Hubungan Faktor Ekstralinguistik Bahasa Kedua dengan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar-pelajar Melayu di Negeri Sembilan*. Dalam kajian ini, pengkaji mengupas berkenaan faktor ekstralinguistik bahasa kedua yang merujuk kepada emosi, motivasi, sikap dan personaliti

pelajar Melayu Tingkatan Empat daripada Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Jempol (SBPIJ), Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar (STJ) dan Sekolah Menengah Sains Rembau (SEMESRA), Negeri Sembilan. Hasil kajian menunjukkan bahawa motivasi ekstrinsik pelajar SBPIJ dan STJ berada pada tahap yang tinggi. Hal ini disebabkan sikap suka mereka terhadap penutur jati bahasa kedua telah memotivasi pelajar SBPIJ dan STJ untuk meminati bahasa kedua di samping berusaha untuk cemerlang dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Manakala pelajar SEMESRA pula didapati didorong oleh motivasi intrinsik untuk mempelajari bahasa kedua. Keadaan ini disebabkan oleh motivasi dalam yang timbul daripada faktor minat untuk belajar dan berjaya dalam pembelajaran bahasa kedua. Manakala, dari segi emosi pula SBPIJ dan SEMESRA lebih suka diberitahu dengan tepat tentang apa yang perlu dibuat semasa mempelajari dan menguasai bahasa kedua. Ini bermaksud tahap pergantungan mereka terhadap guru adalah tinggi. STJ pula menyatakan mereka tidak boleh mempelajari bahasa kedua dalam jangka masa yang lama tanpa rehat. Keadaan emosi ini menjelaskan perwatakan diri pelajar yang suka berterus terang. Keadaan ini seiring dengan gambaran pemilihan warna hijau iaitu, mereka boleh membuat sesuatu tanpa bantuan guru. SEMESRA juga memilih warna hijau yang dapat ditafsirkan sebagai pelajar yang dapat berdikari sama seperti pelajar di STJ. Warna ungu pula merupakan warna dominan bagi pelajar SBPIJ yang bermaksud tahap pergantungan mereka terhadap guru sangat tinggi. Dapatkan daripada pemilihan ini menyokong dapatan kajian yang menyatakan pelajar SBPIJ suka diberitahu dengan tepat tentang sesuatu perkara ketika mempelajari bahasa kedua.

KAJIAN WARNA

Max Lushner (1981) mengukur keadaan mental seseorang secara fizikal (psiko-fizikal), kebolehan seseorang dalam menghadapi tekanan, menonjolkan diri dan berkomunikasi melalui "Ujian Diagnostic Color Luscher". Ujian tersebut dapat mencari punca tekanan psikologi yang menjurus ke arah petanda fizikal. Max Luscher menyatakan warna adalah bersifat objektif dan dikongsi oleh semua manusia. Walau bagaimanapun, kesukaan terhadap sesuatu warna adalah bersifat subjektif dan ujian warna ini membolehkan situasi yang subjektif menjadi objektif.

Keputusan Diagnostik Ujian Warna Max Luscher mempunyai petunjuk tentang penilaian kendiri individu secara khas dan membolehkan penyelidik mengenali sahsiah seseorang secara terperinci. Hal ini disebabkan oleh pemilihan warna adalah secara tidak tersusun dalam ujian warna. Melalui cara ini sikap sebenar seseorang bukan perwatakan yang ditonjolkan atau perwatakan yang seseorang itu ingin tahu dalam ujian-ujian sahsiah yang lain dapat didedahkan. Max Luscher menggunakan tujuh warna dalam ujian warna yang beliau lakukan, iaitu merah, kuning, hijau, ungu, kelabu dan biru. Warna yang dipilih oleh responden menggambarkan keadaan fizikal dan mental mereka.

Individu yang memilih warna merah digambarkan sebagai seseorang yang bertenaga dan mempunyai minat yang mendalam terhadap sesuatu. Menurut Max Luscher, responden yang memilih warna ini sebagai warna pilihan digambarkan sebagai seseorang yang suka mendesak serta mempunyai semangat yang tinggi untuk menang. Di samping itu, mereka juga sentiasa mahukan penambahbaikan dan mahu menikmati hidup dengan sepenuhnya.

Warna kuning pula menggambarkan kegembiraan dan ketenangan. Individu yang meletakkan warna ini di tempat kedua, ketiga, atau keempat merupakan orang yang optimistik dan positif serta sentiasa memandang ke hadapan. Mereka juga percaya bahawa hidup adalah sesuatu yang mudah dan tidak mempunyai masalah. Namun begitu, ini tidak bermakna sesiapa yang memilih warna ini seorang yang pemalas kerana kadangkala mereka akan bertukar menjadi seorang yang amat rajin. Mereka yang memilih warna kuning sebagai pilihan yang pertama, merupakan seseorang yang bercita-cita tinggi dan berkeinginan untuk memuaskan hati orang lain. Manakala, mereka yang meletakkan warna ini di pilihan ketujuh atau kelapan digambarkan sebagai seseorang yang harapannya telah berkecaci, terpinggir, kecewa serta kurang bercampur dengan orang lain.

Responden yang memilih warna hijau digambarkan sebagai seseorang yang mempunyai ketegasan dan keengganan untuk berubah. Mereka juga dikatakan suka mengongkong dan mementingkan diri sendiri. Golongan yang memilih warna ini juga merupakan seseorang yang berprestasi tinggi dan suka mengumpul harta. Mereka juga suka menonjolkan diri dan ingin dikenali. Tetapi, mereka juga seorang yang takut gagal. Namun begitu, sesiapa yang memilih warna

hijau sebagai pilihan terakhir mempunyai ego yang tercalar dan merupakan seseorang yang suka mengkritik, sinis dan degil.

Gabungan antara warna merah dan biru akan menjadikan warna ungu. Warna ungu menggambarkan konflik, iaitu sikap yang suka mendesak dan ketenangan, serta sikap dominan dan kepatuhan. Mereka yang memilih warna ini kurang matang daripada segi mental dan fizikal serta sentiasa berada di alam fantasi. Manakala, mereka yang meletakkan warna ini sebagai pilihan terakhir merupakan seseorang yang lebih matang dan sentiasa bersedia menempuh realiti kehidupan.

Warna yang menggambarkan keadaan fizikal dan menjadi petunjuk kepada tahap kesihatan seseorang ialah warna coklat. Seseorang yang meletakkan warna ini di tempat keempat atau kelima merupakan seseorang yang tidak begitu peduli dengan kesihatan dan tubuh badan kerana mereka berada dalam keadaan fizikal yang baik. Mereka yang memilih warna ungu di tempat pertama atau kedua merupakan seseorang yang risau tentang penyakit. Jika seseorang warna ini sebagai warna kegemaran, menunjukkan ia seorang yang kurang keyakinan diri dan tidak tahu duduk diam. Sekiranya, warna ini diletakkan pada pilihan kelapan, ini menunjukkan seseorang itu tidak memberi perhatian kepada tubuh badan dan kesihatan serta tidak mempunyai kesihatan yang baik. Pemilihan warna coklat sebagai warna pertama menggambarkan kepentingan untuk mempunyai keadaan sekeliling yang selamat seperti yang selalu dipilih oleh pelarian.

Warna hitam menunjukkan maksud “tidak”. Seseorang yang memilih warna ini di tempat pertama merupakan seorang yang membantah takdirnya. Manakala, mereka yang memilih warna ini di tempat kedua merupakan seseorang yang bersedia melepaskan segala-galanya demi mencapai hajat dan impian. Walau bagaimanapun, jika warna hitam dijadikan pilihan ketujuh dan kelapan menunjukkan ia boleh mengawal takdirnya dan merupakan seorang yang mempunyai pandangan yang seimbang terhadap kehidupan dan masa depan.

Khadher Ahmad, Munirah Abdul Razak & Thuraya Ahmad (2012), mengatakan bahawa warna merah dikaitkan dengan kemarahan seseorang kerana wajah yang merah digambarkan sebagai seseorang itu tengah marah. Menurut hadis yang dikaji oleh mereka, punca-punca kemarahan yang diceritakan dalam hadis tersebut ialah seperti pertengkaran, menegur kesalahan, mempertahankan

kebenaran, menangkal dakwaan salah dan pelbagai lagi perbuatan yang boleh mengundang kemarahan seseorang yang membolehkan wajah si pemarah bertukar warna merah.

KAJIAN PERSONALITI

Reid (1998) dalam Rohaidah Kamaruddin (2012) membuat kajian tentang personaliti pelajar mengenai cara pelajar mengendalikan perasaan ketika proses pembelajaran bahasa kedua, jenis motivasi yang digunakan oleh pelajar dalam tugas pembelajaran bahasa kedua, nilai-nilai peribadi, kepercayaan dan sikap yang berkaitan dengan pembelajaran sama ada mereka lebih berminat untuk bekerja secara bersendirian ataupun berkumpulan serta jenis hubungan antara guru dan pelajar lain yang lebih disukai pelajar. Perkara tersebut merupakan faktor utama dalam proses pembelajaran B2. Gaya pembelajaran seseorang pelajar dipengaruhi oleh jenis personaliti seseorang pelajar. Reid (1998) menyatakan bahawa terdapat pertalian antara jenis personaliti pelajar dengan gaya pembelajaran B2. Kajian Reid (1998) menggunakan instrumen Myers – Briggs Type Indicator (MBTI), iaitu instrumen yang digunakan untuk membantu manusia mengetahui kecenderungan mereka mendapat maklumat, membuat keputusan dan berhubung dengan orang lain. Terdapat empat bidang utama dalam MBTI, iaitu :

1. Ekstrovert vs. introvert. Ekstrovert ialah seseorang yang suka berinteraksi dengan orang lain, sering boleh berfikir dengan lebih baik apabila mereka dapat mengemukakan idea-idea mereka kepada orang lain. Manakala, introvert akan berfikir lebih baik apabila bersendirian dan memproses idea dalam fikiran mereka sendiri.
2. Derian vs. intuitif. Derian ialah seseorang yang cenderung untuk mendapatkan maklumat dengan cara yang berurutan melalui penggunaan lima pancaindera dan mereka berminat dengan maklumat yang konkret, nyata dan semasa. Seterusnya, intuitif berminat dengan teori dan andaian. Mereka tidak perlu kepada hujah dan taakulan kerana mereka sering membuat taakulan.
3. Si Pemikir vs. Si Perasa. Si Pemikir merupakan seseorang yang suka untuk membuat keputusan yang lebih objektif, logik dan tidak berat sebelah. Si Perasa pula seorang yang cenderung untuk membuat keputusan yang lebih subjektif

- mengikut perasaan dan keputusannya membawa kesan pada isu-isu peribadi.
4. Si Penilai vs. Si Penanggap. Si Penilai merupakan seorang yang bersikap tertutup, menyukai perkara yang dapat diselesaikan dan berusaha untuk penamatian. Manakala, Si Penanggap pula merupakan seseorang yang bersikap terbuka, dan menyukai perbincangan secara terbuka untuk seberapa lama yang boleh.

Apabila mempelajari bahasa kedua, personaliti dan emosi pelajar akan terlibat sepenuhnya. Lapan pilihan personaliti yang disebut tadi mewujudkan psikologi untuk mereka mempelajari bahasa kedua. Perbezaan personaliti mempengaruhi gaya pembelajaran bahasa kedua mereka.

Ekstrovert : Pelajar yang bersifat ekstrovert akan belajar dengan lebih berkesan apabila mereka mengalami pengalaman secara konkrit, iaitu hubungan dengan dunia luar dan hubungan dengan orang lain. Mereka akan menghargai interaksi kumpulan dan bilik darjah yang dilakukan bersama-sama dengan pelajar lain. Mereka berani mengambil risiko untuk berbual, tetapi perbualan tersebut bergantung kepada interaksi dan rangsangan luar.

Introvert : Merupakan pelajar pendiam, seseorang yang dapat belajar mengenai idea dan konsep dengan lebih berkesan apabila bersendirian. Keupayaan mereka untuk menumpukan perhatian bergantung kepada kekuatan dan kecekapan diri sendiri. Sebelum bercakap, mereka juga perlu memproses idea terlebih dahulu yang kadang kala menyebabkan pengelakan daripada risiko bahasa dalam perbualan.

Jenis Derian : Pelajar jenis ini belajar dengan lebih berkesan melalui laporan fakta dan peristiwa, iaitu mereka lebih suka kepada input fizikal berdasarkan deria fizikal. Mereka sanggup bekerja keras dengan cara yang sistematik dan memperincikan butiran. Walau bagaimanapun, mereka akan terhalang sekiranya sesuatu turutan, matlamat atau struktur dalam bahasa atau kursus bahasa kurang jelas.

Jenis Intuitif : Pelajar jenis intuitif dapat belajar dengan lebih berkesan melalui sulusan pemahaman, menggunakan imaginasi dan mengambil konsep am bukan semua butiran. Mereka mempunyai keupayaan untuk meneka daripada konteks, menstrukturkan latihan sendiri, menanggap konsep dan membangunkan sesuatu model. Apabila terdapat ketidakstetapan dan kehilangan butir-butir penting, pembelajaran bahasa kedua mereka akan terhalang.

Si Pemikir : Keadaan yang bersifat peribadi dan akibat logik akan menyebabkan pelajar Si Pemikir belajar bahasa dengan berkesan. Disiplin diri dan keupayaan mereka untuk menganalisis merupakan kekuatan bagi mereka. Namun begitu, mereka akan mengalami kebimbangan prestasi kerana harga diri mereka terletak pada pencapaian.

Si Perasa : Pelajar jenis ini dapat belajar dengan berkesan apabila mengaplikasikan keadaan peribadi dan nilai sosial. Mereka mempunyai kelebihan atas keinginan mereka yang kuat untuk bergantung pada guru. Keadaan ini menyebabkan hubungan baik antara mereka dan guru. Namun begitu, mereka akan berkecil hati apabila tidak dihargai dan akan terganggu oleh kekurangan keharmonian perorangan.

Si Penilai : Pelajar dapat belajar dengan berkesan apabila menggunakan pantulan analisis dan proses yang melibatkan penamatian. Kelebihan pelajar jenis ini ialah mereka dapat mengendalikan tugas secara sistematis dan mahu menyiapkan tugas yang dilakukan. Tetapi, mereka akan menderita kerana ketegaran dan sikap tidak bertoleransi dengan ketaksaan.

Si Penanggap : Pelajar belajar dengan berkesan melalui rundingan, perasaan dan proses induktif yang menangguhkan penamatian. Kekuatan mereka terletak pada keterbukaan, fleksibiliti dan kemampuan untuk berubah dan penyesuaian dengan pengalaman baru. Namun begitu, mereka juga mungkin akan mengalami kemalasan dan kadar kelajuan kerja yang tidak konsisten dalam jangka panjang.

Ahmad Jazimin Jusoh (2000), membuat *kajian ex-post facto* jenis berkorelasi yang bertujuan untuk menentukan hubungan antara personaliti warna jingga, biru, hijau dan emas dengan minat kerjaya pelajar UPM. Beliau membuat kajian ini dengan menggunakan teori Pemilihan Kerjaya Holland yang bertujuan untuk melihat kesahan gagasan Inventori Personaliti Warna. Hasil kajian beliau menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti warna jingga dengan minat kerjaya dalam bidang realistik. Kajian ini juga menyatakan bahawa alat ukuran Inventori Personaliti Warna yang diasaskan oleh Sidek Mohd Noah et al.(1997) mempunyai kesahan yang tinggi berbanding alat ukuran SDS yang diperkenalkan oleh John L. Holland.

Siti Aishah Hamid (2009), membuat kajian tentang personaliti dan minat kerjaya dalam kalangan pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Kajian ini menggunakan teori Pemilihan Kerjaya


Holland (1973, 1978, 1985) dan menggunakan reka bentuk kajian yang berbentuk *ex post facto* jenis korelasi. *Self-Directed Search* dan Inventori Personaliti Warna digunakan sebagai alat ukuran dalam kajian ini. Hasil kajian mendapatkan bahawa pola personaliti pelatih IPGM di dominasi oleh persekitaran minat kerjaya sosial. Keputusan analisis juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti hijau dan jingga dan minat kerjaya dalam bidang realistik. Personaliti hijau, emas dan jingga pula mempunyai hubungan yang signifikan dengan minat kerjaya dalam bidang *investigative*. Minat dalam kerjaya artistik mempunyai hubungan yang signifikan antara warna jingga, hijau dan biru. Manakala, personaliti jingga, emas dan biru mempunyai hubungan yang signifikan dengan minat kerjaya sosial. Kajian juga mengatakan terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti jingga, emas, hijau dan biru dengan minat kerjaya *enterprising*. Personaliti jingga, emas dan hijau mempunyai hubungan yang signifikan dengan minat kerjaya *conventional*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk deskriptif. Kajian ini dilakukan oleh penyelidik bagi mendapatkan maklumat tentang personaliti warna sama ada mempengaruhi pelajar asing terhadap pembelajaran bahasa Melayu di lima buah universiti di Malaysia. Kajian ini menggunakan borang kaji selidik dan data yang diperoleh dianalisis secara peratusan dan deskriptif. Borang kaji selidik diedarkan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklum balas terhadap persoalan-persoalan kajian serta maklumat yang diperlukan. Borang kaji selidik yang digunakan terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A mengenai demografi pelajar, bahagian B mengenai sikap dan motivasi untuk mempelajari bahasa kedua serta bahagian C mengenai personaliti warna. Kajian ini dilakukan terhadap 150 pelajar asing dari lima buah universiti, iaitu UPM, UM, UKM, UTM dan USM. Responden terdiri daripada pelbagai negara seperti Iran, Nigeria, Jepun, China, Yaman dan pelbagai lagi. Kesemua responden ini mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza. Namun, dalam kajian ini pengkaji hanya berfokus untuk menghuraikan dapatan kajian personaliti warna yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing.

DAPATAN KAJIAN

Warna Pilihan



RAJAH 1. Peratusan warna-warna pilihan pelajar asing

JADUAL 1. Peratusan warna-warna pilihan pelajar asing

Warna	Jumlah (%)
Merah	24.66
Kuning	18.66
Hijau	30.66
Ungu	5.33
Coklat	2.66
Kelabu	5.33
Biru	12.66

Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan warna hijau merupakan warna yang mempunyai peratusan tertinggi iaitu sebanyak 30.66% bersamaan 46 orang. Pelajar yang memilih warna hijau dapat ditafsirkan sebagai seorang yang mempunyai pendirian diri dan berprinsip. Ini bermaksud mereka mempunyai ketegasan dan keengganan untuk berubah. Mereka juga mempunyai potensi diri yang tinggi, namun mementingkan diri sendiri. Dapatkan ini selari dengan Rohaidah Kamaruddin (2012) yang mengatakan pelajar yang memilih warna ini akan berusaha untuk memiliki sesuatu dengan apa cara sekalipun dan amat mementingkan diri sendiri. Situasi ini dapat dilihat oleh pengkaji ketika berada dalam kelas pembelajaran bahasa Melayu, pelajar berpersonaliti hijau akan terus menggunakan khidmat *Google translate* bagi menyelesaikan tugas yang diberikan walaupun mereka tahu terjemahan tersebut tidak tepat dan bakal menjelaskan markah tugasannya mereka. Selain itu, golongan ini juga merupakan seseorang yang inginkan prestasi tinggi, suka mengumpul harta, ingin dikenali dan suka menonjolkan diri. Tetapi, pada masa yang sama mereka takut pada kegagalan.

Pelajar yang memilih warna merah adalah sebanyak 24.66%, iaitu bersamaan 37 orang daripada 150 orang pelajar. Pelajar yang memilih warna ini digambarkan sebagai seseorang yang

sangat bertenaga dan bersemangat dalam kehidupan. Pelajar-pelajar asing ini akan terus bertanyakan kepada guru atau pensyarah apabila mereka tidak memahami tentang sesuatu perkara di dalam kelas. Ini menunjukkan mereka tidak suka menangguhkan-nangguhkan kerja. Mereka juga mempunyai minat yang tinggi dalam sesuatu perkara dan sanggup melakukan apa sahaja untuk mencapai matlamat yang diinginkan.

Dapatkan kajian juga menunjukkan pemilihan warna kuning sebanyak 18.66% iaitu, bersamaan 28 orang. Pelajar yang memilih warna ini dikatakan sebagai seseorang yang suka akan keamanan dan keseronokan serta merasakan hidup ini mudah tanpa apa-apa masalah. Responden ini juga merupakan seseorang yang positif, optimis serta selalu melihat ke hadapan dan berfikir tentang masa depan. Pemikiran yang positif akan mengerakkan seseorang untuk melakukan apa-apa sahaja untuk berjaya.

Pemilihan warna biru adalah seramai 19 orang yang bersamaan 12.66%. Pelajar yang memilih warna ini tidak suka hidup bersendirian dan akan melakukan apa-apa sahaja untuk berjaya. Mereka juga boleh mengawal hidup sendiri dan mempunyai pendapat sendiri tentang kehidupan dan masa depan. Menurut Max Luscher, personaliti responden yang memilih warna ini boleh dikatakan sebagai seorang yang suka akan ketenangan dan kesetiaan. Mereka juga seorang yang sensitif dan mudah terluka. Namun begitu, mereka tidak mudah panik, dapat mengawal kehidupan sendiri dengan baik dan selesa dengan kehidupan yang sedia ada. Pengkaji juga mendapati mereka yang memilih warna ini tidak suka kepada kekalutan dalam kehidupan dan bersedia untuk mengorbankan sesuatu perkara untuk memperoleh ketenangan dalam hidup. Personaliti warna biru juga mengharapkan perhubungan yang stabil dan tidak mempunyai konflik.

Pelajar yang memilih warna ungu dan kelabu adalah masing-masing sebanyak 5.33 %. Responden yang memilih warna ungu ialah seseorang yang kurang keyakinan diri. Mereka juga suka bergantung pada orang lain untuk membuat keputusan. Ini bermaksud mereka memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar guru dalam menentukan sesuatu perkara (Rohaidah Kamaruddin 2012). Mereka juga amat mengambil berat tentang keselamatan dan amat mementingkan kesihatan. Oleh sebab itu, mereka berasa bimbang terhadap diet yang seimbang. Pelajar yang memilih warna kelabu dapat digambarkan sebagai seorang yang berfokus santai, sensitif dan berjaga-jaga. Mereka juga tidak mudah panik dan

tidak suka dikawal. Mereka juga rela berkorban apa-apa sahaja untuk ketenangan hidup. Selain itu, mereka tidak mahu bercampur dengan masyarakat dan tidak mahu memberi komitmen. Mereka yang memilih warna ini tidak suka melibatkan diri dalam aktiviti berkumpulan dan lebih suka menjadi pemerhati daripada menjadi orang yang memulakan dahulu. Mereka juga akan melakukan apa sahaja demi mencapai sasaran mereka.

Warna coklat merupakan pemilihan warna yang paling sedikit, iaitu sebanyak 2.66%. Pelajar yang memilih warna ini merupakan seseorang yang kurang keyakinan diri dan mereka takut untuk menerima apa-apa tanggungjawab. Mereka juga suka bersendirian dan lebih gemar menjadi pemerhati daripada menjadi pelaksana.

KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan kaitan personaliti pelajar asing yang dikaji mempunyai semangat untuk berjaya adalah terhasil daripada kekuatan dalaman yang kuat. Ini bermaksud mereka dipengaruhi oleh motivasi intrinsik. Hal yang sedemikian kerana dalam kaji selidik yang dijalankan mereka lebih cenderung memilih warna hijau, merah dan kuning. Menurut Max Luscher, mereka yang cenderung memilih ketiga-tiga warna ini sanggup melakukan apa-apa sahaja untuk mencapai kejayaan atau matlamat hidup. Persamaan penjelasan personaliti bagi ketiga-tiga warna ini terbentuk daripada kekuatan dalaman. Menurut Deci dan Ryan (1985), kekuatan dalaman atau dipanggil motivasi intrinsik merujuk kepada seseorang yang mempunyai persepsi sendiri, berkebolehan dan berupaya untuk membuat keputusan sendiri. Personaliti atau tingkah laku seseorang adalah dikawal dari dalam dirinya dan mereka akan berusaha untuk mencapai matlamat tanpa dipengaruhi oleh keadaan sekeliling. Keadaan ini dapat dilihat daripada kehidupan pelajar asing yang belajar di Malaysia yang hidup berjauhan daripada keluarga dan negara. Mereka menghadapi rintangan sebagai orang asing yang berlainan budaya, bahasa dan agama. Perbezaan-perbezaan ini membuatkan mereka perlu mempunyai kekuatan mental dan bermotivasi tinggi bagi mencapai kejayaan. Oleh itu, faktor-faktor dankekangan yang dihadapi membuatkan intrinsik pelajar asing ini menjadi kuat dan kental untuk terus berjaya sebagai seorang pelajar di bumi Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman, Wan Ismail Wan Abdullah & Hafisah Zakaria. 2014. Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa arab dalam kalangan pelajar peringkat menengah rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Naim Lilbanat, Kota Bharu Kelantan. Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014.
- Abdul Majid Mohd Isa & Rahil Mahyuddin. 1997. *Psikologi Pendidikan 1*. Selangor: Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Ahmad Jazimin Jusoh. 2000. Hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya di kalangan pelajar UPM. Tesis Master. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Deci, E & Ryan, R .1985. *Intrinsic Motivation and Self Determination in Human Behavior*. New York : Plenum Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2013. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khader Ahmad, Monika @ Munirah Abd Razzak, Nur Asilah Ibrahim dan Nik Mohd Zaim Ab Rahim. 2012. Warna merah dan kaitan dengan sifat marah dalam perspektif hadith : Satu analisis awal. Dlm. *Transformasi Penyelidikan dalam Bidang Pengajian Islam*, disunting oleh Khader Ahmad & Sedek Ariffin. 881-893. Kuala Lumpur: Bahagian Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mir Hazil Azran Ramli. 2008. *Aura Personaliti Warna*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Rohaidah Kamaruddin. 2012. Hubungan Faktor Ekstralinguistik Bahasa Kedua dengan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar-pelajar Melayu di Negeri Sembilan. Tesis Doktor Falsafah. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Siti Aishah Hamid. 2009. Profil personaliti dan minat kerjaya pelatih institut pendidikan guru Malaysia. Tesis Master. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Yong Chyn-Chye, Vijayaletchumy Subramaniam & Chan Tze-Haw. 2013. Peranan faktor ekstralinguistik dalam pengajaran bahasa melayu untuk penutur asing. *Jurnal PENDETA*. 4: 231-244.
- Max Lüscher. 1981. *Personality Signs*. Warner Books.
- Zaliza Mohamad Nasir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2014. Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia- Social and Behavioral Sciences* 134 (2014): 408-415.

Husna Hidayah Mansor
 Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
 Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM, Serdang
 Selangor, MALAYSIA.
 Email : hidayahusnamansor@yahoo.com

Rohaidah Kamaruddin
 Pensyarah Kanan
 Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
 Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM, Serdang
 Selangor, MALAYSIA.
 E-mail: rohaidah_k@UPM.edu.my

Diserahkan: 22 Jun 2015
 Diterima: 30 September 2015

